



**TEKS UCAPAN PELUNCURAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
& MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR  
(PETRA)**

**MAJLIS PELUNCURAN PORTAL MYENERGYSTATS DAN  
UPACARA PERTUKARAN DOKUMEN PEMBEKALAN TENAGA  
ELEKTRIK HIJAU DI BAWAH PROGRAM CRESS**

**16 JANUARI 2025 (KHAMIS)  
HOTEL LE MERIDIEN, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita berhimpun pada hari ini dalam Majlis Peluncuran Portal MyEnergyStats.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Suruhanjaya Tenaga di atas jemputan untuk saya turut serta bersama para hadirin sekalian pada majlis ini dan seterusnya melancarkan inisiatif penting negara ke arah penyampaian maklumat yang berkesan berkaitan data serta polisi tenaga negara kepada pihak industri dan masyarakat umum.

## **PORTAL MYENERGYSTATS**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Portal MyEnergyStats adalah gerbang data terbuka sektor tenaga negara yang dibangunkan semula bagi menggantikan portal Malaysia Energy Information Hub (MEIH) yang telah beroperasi sejak tahun 2012. Seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan pengguna, portal ini telah dibangunkan semula untuk memastikan ia terus relevan, mesra pengguna, dan setaraf dengan

portal antarabangsa seperti yang dibangunkan oleh International Energy Agency (IEA) dan International Renewable Agency (IRENA).

4. Portal MEIH sebelum ini menyediakan akses kepada statistik tenaga negara, termasuk Laporan Imbangan Tenaga Negara (NEB) melalui modul dalam taliannya. Namun, reka bentuk, teknologi, dan susun atur portal lama tidak lagi bersesuaian dan kekurangan ciri-ciri interaktif yang diperlukan oleh pengguna hari ini. Oleh itu, pembaharuan ini adalah satu keperluan untuk memenuhi permintaan pelbagai pihak berkepentingan agar ianya selari dengan peredaran zaman.
5. Portal baharu MyEnergyStats kini menawarkan ciri-ciri baharu seperti infografik, visual data, peta interaktif, serta keupayaan pengumpulan data yang lebih sistematik. Selain itu, aplikasi mudah alih MyEnergyStats kini boleh dimuat turun oleh pengguna iOS, Android, dan HarmonyOS, memberikan pengalaman pengguna yang lebih lancar dengan akses mudah di hujung jari.
6. Bagi penggubal dasar, portal MyEnergyStats merupakan instrumen penting yang menyediakan data sebenar dan analisis untuk merangka dasar-dasar strategik. Dengan akses kepada statistik yang terkini dan tepat, portal ini memudahkan pembangunan dasar yang berpandukan data dan seterusnya memastikan usaha peralihan tenaga yang lebih berkesan.
7. Bagi pihak industri pula, portal ini menawarkan maklumat penting untuk membuat keputusan pelaburan strategik. Portal

MyEnergyStats dapat membantu sektor swasta mengenal pasti peluang dalam peralihan tenaga, termasuk teknologi baharu yang menyokong agenda hijau negara. Ini bukan sahaja mengukuhkan daya saing industri tetapi juga menyokong usaha kolaborasi awam dan swasta ke arah pembangunan tenaga yang lestari.

8. Portal MyEnergyStats bukan sahaja menjadi medium penting untuk penggubal dasar dan pihak industri tetapi juga kepada komuniti penyelidik baik dari dalam dan luar negara. Portal ini berperanan untuk menyokong penyelidikan dari segi keperluan data yang dapat menyumbang kepada penemuan baharu bagi memberi manfaat kepada pembangunan tenaga negara dan global.

Hadirin sekalian,

9. Satu lagi inisiatif yang patut dibanggakan adalah pembangunan *microsite* AdiwiraST sebagai tambahan kepada portal utama. Ianya direka khas untuk mendidik kanak-kanak bawah umur 12 tahun mengenai konsep asas tenaga.
10. *Microsite* ini menampilkan kandungan yang interaktif dan mudah difahami serta selaras dengan silibus Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia bertujuan memperkasa generasi muda dalam memahami serta menghargai kepentingan tenaga demi masa depan negara yang lebih mampan.
11. Program-program berbentuk edutainment sebegini juga merupakan salah satu antara inisiatif literasi tenaga yang dilaksanakan di

peringkat kebangsaan, bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang celik tenaga.

12. Anak-anak kecil ini adalah merupakan 'duta tenaga' kita. Mereka merupakan pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih prihatin terhadap tenaga dan kelestarian. Maka adalah wajar kandungan-kandungan interaktif seperti ini diperbanyakkan lagi melalui program Malaysia Energy Literacy Program (MELP) yang kini diterajui oleh Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga dan SEDA serta beberapa agensi lain berkaitan Tenaga.

Hadirin sekalian,

13. Keutuhan maklumat dan data berkaitan tenaga amat penting di dalam perancangan dasar dan pembangunan tenaga bagi menyokong usaha peralihan tenaga negara. Ketersediaan dan ketepatan maklumat dan data telah memberikan sumbangan signifikan di dalam membangunkan modelling, menentukan perancangan dan memastikan pelaksanaan penjanaan dan perbekalan tenaga dibuat secara holistik dan menyeluruh. Ini termasuk pembangunan dan pengenalan program serta inisiatif tenaga boleh baharu (TBB) serta bekalan elektrik hijau khususnya *Energy Exchange Malaysia* (ENEGEM) dan Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS).
14. Dikesempatan ini, saya ingin maklumkan bahawa Malaysia telah pun melaksanakan perdagangan TBB merentas sempadan dari Malaysia ke Singapura dengan kapasiti 50MW bermula pada 13 Disember 2024 lalu. Selain itu, pada hari ini kita juga akan

menyaksikan upacara simbolik pertukaran dokumen pembekalan tenaga elektrik hijau di bawah Program CRESS di antara Syarikat UEM Lestra dan ESR Group Limited, yang merupakan antara '*first mover*' bagi Program CRESS. Pertukaran dokumen ini menandakan permulaan yang baik terhadap inisiatif TBB yang telah diperkenalkan kerajaan.

15. Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan di bawah CRESS ini, saya juga ingin mengumumkan beberapa penambahbaikan program ini iaitu:
  - a. Pembukaan penyertaan Program CRESS kepada pengguna sedia ada;
  - b. Caj Akses Sistem (CAS) yang telah ditetapkan dikekalkan untuk tempoh 3 tahun berdasarkan tempoh regulatori Incentive Based Regulation (IBR); dan
  - c. Kadar perubahan kepada nilai CAS ditetapkan untuk tidak melebihi 15% daripada nilai semasa bagi memberikan kepastian kepada para pelabur mengenai kos pembekalan elektrik hijau untuk jangka masa panjang.
  
16. Saya berharap agar penambahbaikan ini akan menarik minat dan membolehkan lebih banyak syarikat korporat mendapat akses bekalan elektrik hijau dan memenuhi komitmen ESG masing-masing.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

17. Dengan pelancaran portal MyEnergyStats dan aplikasi mudah alihnya, besarlah harapan saya agar ia dapat menggalakkan lagi perkongsian maklumat dan kolaborasi yang lebih erat antara kerajaan, industri, dan masyarakat. Moga portal ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak agar ia akan terus menjadi pemangkin pembangunan dan kemajuan sektor tenaga negara.
18. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Suruhanjaya Tenaga di atas kejayaan dalam membangunkan portal baharu MyEnergyStats. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif ini. Usaha tuan-tuan dan puan-puan ini mencerminkan komitmen yang tinggi dalam memperkukuhkan sektor tenaga negara serta memastikan strategi dan dasar yang dilaksanakan mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.
19. Akhir kata, marilah kita semua berganding bahu untuk memastikan Malaysia terus maju sebagai negara yang berdaya saing terutamanya dalam aspek peralihan tenaga. Semoga usaha kita ini diberkati dan menyumbang kepada aspirasi karbon sifar bersih negara menjelang tahun 2050.
20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Portal MyEnergyStats secara rasmi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.